

# Kerajaan terima aduan tadika ajar kanak-kanak benci pemimpin

UM 21 3 JAN 2002

REMAU 22 Jan. — Kerajaan negeri ada menerima aduan mengenai kelas-kelas tadika berorientasikan agama di negeri ini telah mengajar kanak-kanak supaya membenci kepimpinan kerajaan.

Menteri Besar, Tan Sri Mohd. Isa Abdul Samad berkata, aduan yang diterima itu merujuk kepada kelas-kelas tadika anjuran parti pembangkang.

"Ini adalah politik Pas yang cuba mempengaruhi kanak-kanak di peringkat tadika supaya membenci kerajaan," katanya ketika ditemui selepas merasmikan balai raya Kampung Haji Sulaiman di sini hari ini.

Ekoran itu, beliau turut menyokong kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bahawa kerajaan akan menggubal undang-undang bagi memberi kuasa kepada kerajaan menutup mana-mana tadika yang didapati menyelenggara kurikulum asal.

Mohd. Isa menambah, kerajaan negeri akan terus memantau perkara tersebut yang memperlihatkan pihak pembangkang memperalatkan kanak-kanak untuk kepentingan politik mereka.

"Kerajaan negeri khawatir kelas tadika bukan sahaja tidak mempunyai kurikulum pendidikan yang

standard, malah guru mereka juga kurang kemahiran," ujarnya.

Mohd. Isa memberitahu, kelas-kelas tadika ini juga diwujudkan tanpa kebenaran Jabatan Agama Islam Negeri Sembilan (JAINS).

Jelas beliau, mereka menganggap kelas-kelas tadika yang berasaskan agama Islam boleh dibina sesuka hati tanpa kebenaran kerajaan.

"Saya khawatir jika mereka mengajar kanak-kanak membenci kerajaan, mereka akan terus membenci kerajaan pada masa depan walaupun pemimpin silih berganti," jelasnya.